

BAB PERTAMA

1.1 : Mukaddimah

Al-Qur'ān merupakan kitab suci yang terakhir, dan yang diturunkan kepada nabi kita Muhammad s.a.w di dalam bahasa Arab melalui lafaz wahyu untuk memberi pengajaran dan petunjuk kepada manusia keseluruhannya. Al-Qur'ān mempunyai manhaj yakni pengajaran, pengetahuan dan teladan yang boleh diteladani oleh manusia menerangi hati-hati serta dapat memandu jiwa mereka. Sesungguhnya umat ini sangat memerlukan kepada petunjuk dan model yang terang lagi teragung ini.

Umat Islam belajar membaca Al-Qur'ān sejak dari kecil lagi. Anak-anak mereka dihantar kepada guru-guru Al-Qur'ān di tempat masing-masing kerana pembelajaran pembacaan Al-Qur'ān ini mestilah melalui musyafahat iaitu berguru melalui mulut ke mulut. Ia tidaklah boleh dipelajari melalui penglihatan dan alat perakaman, atau pun melalui radio atau televisyen semata-mata.

Jikalau kita renungi sejarah pembelajaran pembacaan Al-Qur'ān itu sendiri, ia bermula dari Nabi kita Muhammad s.a.w, melalui Malaikat Jibril a.s secara musyafahat. Begitu jugalah generasi-generasi selepas sahabat. Inilah dalil yang kuat mengatakan bahawa pembelajaran pembacaan Al-Qur'ān ini mestilah mengikut sistem musyafahat. Sistem ini dipelihara oleh umat Islam sehingga ke hari ini, termasuklah kita di Malaysia.

Allah telah menamakan kitab suci Al-Qur'ān dengan berbagai-bagai nama yang disebut di dalam Al-Qur'ān di antaranya ialah :

i) Al-Qur'an. Allah berfirman :

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلّٰتِي هِيَ أَقْوَمُ
(Al-Isrā' : 9)

*Sesungguhnya Al-Qur'an ini memberi petunjuk kepada jalan yang
amat lurus*

ii) Al-Kitab. Allah berfirman :

لَقَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ كِتَابًا فِيهِ ذِكْرُكُمْ أَفَلَا تَعْقِلُونَ
(Al-Anbiya' : 10)
*Sesungguhnya telah kami turunkan kepada kamu sebuah kitab
yang di dalamnya terdapat sebab-sebab kemuliaan bagi mu,
maka apakah tidak kamu memahaminya .*

iii) Al-Furqan. Allah berfirman :

تَبَارَكَ الَّذِي نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلَى عَبْدِهِ لِيَكُونَ لِلنَّاسِ نَذِيرًا
(Al-Furqan : 1)
*Maha suci Allah yang telah menurunkan Al-Furqān (Al-Qurān)
pada hambanya, agar dia menjadi pemberi peringatan kepada
seluruh alam.*

iv) Al-Zikr. Allah berfirman :

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

(Al-Hijr : 9)

Sesungguhnya kamilah yang menurunkan Al-Qur'an, dan sesungguhnya kami benar-benar memeliharanya.

v) Al-Tanzil . Allah berfirman :

وَإِنَّهُ لِتَنزِيلِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

(Al-syu'arā' : 192)

Dan sesungguhnya Al-Qur'an ini benar-benar diturunkan oleh Allah semesta alam.

Walaupun terdapat banyak nama mengenai Al-Qur'an tetapi yang terkenal dan lazim digunakan hanya dua nama sahaja iaitu Al-Kitab dan Al-Qur'an.

(Mannā' Al-Qattān, 1981, ms : 16)

Menurut pendapat Subhī Al-Soleh di dalam bukunya " Mabāhith fi 'ulūm Al-Qur'an " m.s 17 - 18, Penamaan wahyu dengan nama Al-Kitab ini memberi gambaran bahawa ianya adalah himpunan pada baris-baris tulisan kerana perkataan Al-Kitābat memberi erti himpunan beberapa huruf dan lukisan atau ukiran huruf bagi lafaz-lafaz. Sementara penamaan dengan nama Al-Qur'an adalah memberi erti yang ayat-ayatnya itu dihafaz di dada kerana perkataan Al-Qur'an itu adalah perkataan masdar dari kata asas Qara'a (قرأ) memberi erti mengingati dan menghafaz.

Sungguh pun kedua-dua perkataan al-kitāb dan al-Qur'an berasal dari bahasa Arab, namun perkataan al-kitābat dalam bahasa itu bererti

tulisan atau ukiran huruf-huruf dan perkataan al-Qirā'at pula memberi makna al-tilawat bererti bacaan.

Penamaan wahyu dengan kedua-dua nama ini " al-kitāb dan al-Qur'ān" amat sesuai sekali, kerana ia mempunyai keistimewaan dari semua peringkat, serta jaminan keselamatan tentang keunggulan nas-nasnya dan ajarannya. Ia tetap terpelihara dan terukir di dalam lembaran dan terkumpul di dada.

Namun bagitu nama Al-Qur'ān sering digunakan sehingga ia terkenal dengan nama khas sebagai pengenalan bagi kitab suci itu. Di samping itu Allah s.w.t telah menyifatkan Al-Qur'ān dengan berbagai-bagai sifat antaranya :

i) **Al-Nūr** (النور) ertinya cahaya. Allah berfirman :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ بِرْهَانٌ مِّنْ رَبِّكُمْ

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكُمْ نُورًا مُّبِينًا

(*Al-Nisā'* : 174)

Wahai manusia, sesungguhnya telah datang kepadamu bukti kebenaran dari tuhanmu (Muhammad dengan mukjizatnya) satelah kami turunkan kepadamu cahaya yang terang-menerang (Al-Qur'ān).

ii) **Hudā** (هدى) ertinya petunjuk, **Syifa'** (شفاء) ertinya penyembuh atau penawar, **Rahmat** (رحمة) ertinya rahmat, **Mau'izat** (موعظة) ertinya pengajaran/ pelajaran/ kebijaksanaan. Allah berfirman :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُم مِّنْ رَبِّكُمْ
وَشَفَاءٌ لِمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ

(Yunus : 57)

Wahai manusia, sesungguhnya telah datang kepadamu pengajaran dari Tuhanmu dan penyembuh bagi penyakit-penyakit yang berada di dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang yang beriman.

iii) **Mubārak** (مبارك) ertinya yang diberkati. Allah berfirman :

وَهَذَا كِتَابٌ أَنزَلْنَاهُ مَبْارَكٌ مَصْدُقٌ لِّذِي بَيْنِ يَدِيهِ وَلِتَذَرَّأَ الْقَرَى وَمَنْ حَوْلَهُ

(Al-An'ām : 92)

Dan ini (Al-Qur'an) adalah kitab yang telah kami turunkan yang mendatang keberkatan (memberkati), membenarkan kitab-kitab yang (diturunkan) sebelumnya dan agar kamu memberi peringatan kepada (penduduk) Ummu Al-Qurā (Mekah) dan orang-orang di luar lingkungannya.

iv) **Mubīn** (مبين) ertinya yang menerangkan / menjelaskan. Aliah berfirman :

قَدْ جَاءَكُم مِّنَ اللَّهِ نُورٌ وَكِتَابٌ مَبِينٌ

(Al-Mā'idat : 15)

Sesungguhnya telah datang kepadamu cahaya dari Allah dan kitab (Al-Qur'ān) yang menerangkan atau menjelaskan.

v) **Busyrā** (بشرى) ertinya berita gembira. Allah berfirman :

قُلْ مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِجَبْرِيلَ فَإِنَّهُ نَزَّلَهُ عَلَى قَلْبِكَ بِإِذْنِ اللَّهِ

مَصْدِقاً لِمَا بَيْنَ يَدِيهِ وَهُدًى وَبُشْرَى لِلْمُؤْمِنِينَ

(*Al-Baqarat* : 97)

Katakanlah, sesiapa yang menjadi musuh Jibril, maka sesungguhnya Jibril itu telah menurunkannya (Al-Qur'ān) ke dalam hatimu dengan keizinan Allah, membenarkan kitab-kitab yang sebelumnya dan menjadi petunjuk serta berita gembira bagi orang-orang yang beriman.

vi) **'Azīz** (عزيز) ertinya yang mulia. Allah berfirman :

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِالذِّكْرِ لَمَا جَاءَهُمْ وَإِنَّهُ لِكِتَابٍ عَزِيزٍ

(*Fussilat* : 3 / 4)

Sesungguhnya orang-orang yang mengingkari Al-Qur'ān ketika Al-Qur'ān itu datang kepada mereka, (mereka itu pasti akan celaka), dan sesungguhnya Al-Qur'ān itu adalah kitab yang mulia.

vii) **Majid** (مجيد) ertinya yang mulia Allah berfirman :

بل هو فرآن مجید

(Al-Buruj : 21)

Bahkan yang didustakan mereka itu ialah Al-Qur'an yang mulia.

viii) **Basyir** (بشير) ertinya membawa berita gembira, **Nadhir** (نذير) ertinya membawa peringatan. Allah berfirman :

كتاب فصلات اياته قرآنا عربيا لقوم يعلمون بشيرا ونذيرا

(Fussilat : 3 / 4)

Kitab yang dijelaskan oleh ayat-ayatnya, yakni bacaan dalam Bahasa Arab untuk kaum yang mengetahui, yang membawa berita gembira dan yang membawa peringatan.

Masyarakat Arab pada ketika itu tidak mampu hendak menandingi kitab suci Al-Qur'an walaupun mereka terkenal dengan kepitahan serta keunggulan bahasa, yang mengetahui tentang selok-belok bahasa dan sastera serta pandai berpuisi dan berprosa, sedangkan bahasa yang digunakan di dalam Al-Qur'an itu pula adalah merupakan bahasa bunda dan lingua-franca mereka. Allah s.w.t telah mencabar pendita-pendita Arab ini supaya mereka mencipta sebuah kitab seperti Al-Qur'an ataupun sekadar satu surah pendek pun sudah memadailah, sekiranya mereka berasa sangsi, meragui dan mengingkari kenabian Nabi Muhammad s.a.w dengan mendustakan wahyu yang disampaikan oleh Malaikat Jibril a.s. Tetapi ternyata bahawa mereka gagal mencipta ayat-ayat walaupun sedikit seperti terdapat di dalam Al-Qur'an. Hal ini diterangkan oleh Al-Qur'an sendiri, firman Allah :

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مَا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّنْ مِّثْلِهِ
وَادْعُوا شَهِداءَ كُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

(*Al-Baqarat* : 23)

*Dari sekiranya kamu mengsyaki dengan apa yang kami turunkan
ke atas hamba kami (Rasulullah s.a.w) maka bawalah satu surah
seumpamanya, serulah penolong-penolong kamu selain daripada
Allah jika kamu benar.*

Al-Walīd bin Al-Mughirat ialah seorang ahli bahasa dan sasterawan Arab yang terkenal telah datang kepada Rasulullah s.a.w, apabila beliau mendengar firman Allah yang berbunyi :

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ

(*Al-Nahl* : 90)

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu berlaku adil dan ehsan dan memberi kaum kerabat, dan Allah menegah melakukan perkara keji, kemungkaran dan permusuhan .

Beliau terus sujud serta mengakui dengan katanya : Demi Allah ayat ini adalah indah sekali, sempurna serta padat isi kandungannya, ia bukan satu ciptaan makhluk. Inilah yang membuktikan bahawa Al-Qur'an itu bukanlah hasil ciptaan manusia atau rekaan makhluk.

(Ibn Al-Jazariy, 1961 M / 1381 H , ms : 20 - 21)

Al-Qur'an diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w melalui perantaraan Jibril a.s secara beransur-ansur selama 23 tahun. Ianya

diturunkan dalam dua masa, pertama di Mekah dalam masa tiga belas tahun, dan yang kedua pula di Madinah selama sepuluh tahun. Ijmak ulamak mengatakan bahawa Al-Qur'an mengandungi 114 surah (Al-Sayutiyy, Jalal Al-Din Abd Al-Rahman . 1967 M / 1387 H, Jld. 1 ,ms : 184), Ibnu Ad-Durays (ابن الضريس) berkata bahawa Al-Qur'an mengandungi 6600 ayat dan jumlah hurufnya sebanyak 323671 huruf (Al-Sayutiyy, Jalal Al-Din Abd Al-Rahman , 1967 M / 1387H, Jld. 1, ms 189). Al-Qur'an Al-Karim diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w bermula pada 17 Ramadhan ketika baginda berumur 40 tahun. Waktu itu baginda beribadah di Gua Hira' (Muhammad Ali Al-Sabuniyy, 1981 M / 1401 H ms : 10).

Ayat pertama ialah :

اقرأ باسم ربك الذى خلق، خلق الإنسان من علق،
اقرأ وربك الراكم الذى علم بالقلم، علم الإنسان مالم يعلم.
(Al-'Alaq : 1 - 5)

Jan **ayat terakhir** yang diturunkan ialah :

اللَّيْلَمُ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَّتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي
وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا
Al-Mā'idat : 3)

ka kita renungi ayat-ayat Al-Qur'an, kita akan dapati bahawa terdapat perbezaan di antara isi dan ayat-ayat atau surah yang turunkan di Mekah dengan yang di Madinah. Ayat-ayat yang

diturunkan di Mekah adalah berkenaan akidah Islam (tauhid) iaitu ayat-ayat yang menentang penyembahan berhala, bertuhankan benda dan seruan atau dakwah kepada manusia agar mereka membebaskan akal dan jiwa mereka daripada mengikut atau memperhambakan diri kepada adat, kebiasaan, tradisi dan taklid serta menurut saja kepada tradisi nenek-moyang mereka tanpa usul-periksa. Ayat-ayat yang diturunkan di Madinah pula, menerangkan tentang hukum-hukum feqah, peraturan-peraturan dan segala perkara yang berhubung dengan negara dan kemasyarakatan. Di Madinahlah bermulanya penerangan tentang hukum-hukum dan undang-undang mengenai peperangan, perhubungan di antara satu pemerintah negara dengan pemerintah yang lain. Seterusnya di Madinah juga peraturan-peraturan mengenai perjanjian dan perdamaian, urusan suami-isteri, pembinaan rumah tangga, mengenai nikah, talak dan rujuk, peraturan tentang pewarisan, dan membangun masyarakat yang adil dan makmur, peraturan zakat dan haji dan urusan-urusan lain yang semuanya berdasarkan keadilan dan persamaan darjat diperturunkan.

Walaupun diturunkan sejak 14 abad dahulu hingga kini ia masih tidak berubah sedikitpun sebab wahyu yang diturunkan disalin dan ditulis berdasarkan riwayat-riwayat yang sah lagi mutawatir. Yang dimaksudkan dengan mutawatir iaitu nukilan yang berterusan tidak ada cacat cela dan tidak terputus perawinya. Oleh itu tidak ada sebab lagi untuk diragui tentang ketetapan serta kesuciannya, kerana Allah s.w.t telah memberi jaminan untuk memelihara kitab suci Al-Qur'an. Hal ini juga diterangkan di dalam Al-Qur'an sendiri, Allah berfirman :

*

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

(Al-Hijr : 9)

Sesungguhnya kami menurunkan Al-Qur'an dan kami pasti akan menjaganya.

Mengikut pendapat para ulamak dan ulamak usul bahawa Al-Qur'an adalah kalam Allah yang mempunyai mu'jizat atau yang bermu'jizat, yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w iaitu nabi yang terakhir dengan perantaraan Jibril a.s. Ia dituliskan di dalam mushaf-mushaf, yang kemudiannya disampaikan kepada kita cara mutawatir. Membacanya pula merupakan ibadah, yang bermula dengan surah Al-Fātiha dan diakhiri dengan surah Al-Nas (Muhammad 'Ali Al-Sabuniy, 1981 M / 1401 H, ms : 6). Ulamak Mutakallimin pula berpendapat bahawa Al-Qur'an adalah kalam Allah yang qadim dan bukan makhluk, kita wajib memuliakannya. (Al-Zarqāniy, Muhammad Abd Al-'Azīm, Tanpa tarikh, Jld. 1, ms : 17)

Di dalam Al-Qur'an terdapat peraturan hidup dan keindahan bahasa yang menakjubkan dan berlainan dari apa yang ada dalam masyarakat Arab pada ketika itu baik dari segi bahasa mahu pun pengajaran. Kitab ini menjelaskan semua perkara dan permasalahan, petunjuk dan rahmat. Ia bukan ucapan, syair atau puisi, dan ini menyebabkan segala lapisan sasterawan Arab menjadi lemah dan terpaku.

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang membangun dengan bagitu pesatnya, samada dari segi pembangunan atau pun ilmu pengetahuan. Kita merasa perlu turut mengambil bahagian di dalam perkembangan ini terutamanya di dalam bidang ilmu

pengetahuan, lebih-lebih lagi di bidang ilmu keagamaan yang bersangkut paut dengan kitab suci Al-Qur'ān Al-Karīm seperti ilmu Al-Qirā'āt, ilmu Tafsir, Ilmu Tajwid dan lain-lain lagi.

Umat Islam sangat memerlukan kitab suci Al-Qur'ān. Mereka perlu kembali kepada ajaran Al-Qur'ān, mempelajari dan menyelidikinya, samada isi Al-Qur'ān, Tafsirnya atau pun Qirā'ātnya. Tentulah hal ini memerlukan kepada penyelidikan yang mendalam seperti sejarah penurunan Al-Qur'ān yang diwahyukan oleh Allah s.w.t dengan perantaraan Malaikat Jibril a.s kepada Nabi Muhammad s.a.w. Kemudian nabi mengajar para sahabat, para sahabat pula mengajar para tābi'īn, tābi'īn kepada tābi'īn al-tābi'īn, seterusnya kepada para qari yang masyhur. Mereka semua ini bukanlah terdiri daripada orang-orang Arab sahaja tetapi terdiri daripada berbagai-bagi suku atau qabilah seperti 'Iraq, Iran, Parsi dan lain-lain lagi. Oleh itu sudah tentu wujudnya berbagai-bagi ragam dialek cara bacaan atau bahasanya. Jadi dengan demikian bacaan Al-Qur'ān atau sebutan perkataan di dalam Al-Qur'ān itu tidaklah pula sama tetapi berbeza-beza mengikut keadaan tempat dan lidah yang mengucapkannya. Walaupun pembacaan atau sebutan itu berlainan tetapi maksud dan isi Al-Qur'ān itu tidak berbeza atau berubah.

Nabi Muhammad s.a.w pernah bersabda di dalam hadith sahih yang diriwayatkan oleh 'Umar ibn Al-Khaṭṭāb :

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ أُنْزِلَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ فَاقْرَءُوهُ مَا تِيسَرْ مِنْهُ

(*Sahih Al-Bukhāriy, Tanpa Tarikh, Jilid 6, ms : 228 / Sahih Muslim Bisyarah Al-Nawawiy, Tanpa Tarikh, Jilid 6, ms : 99 /*

Ruhfat Al-Ahwadhiy Bisyarh Jāmi' Al-Tarmidhiy, 1967M/ 1387 H,

Jilid 8, ms : 266)

*Sesungguhnya Al-Qur'an itu diturunkan atas tujuh huruf, maka
macalah oleh kamu mana yang mudah di antaranya.*

Terdapat pula para ulamak berselisih pendapat tentang perkataan "tujuh huruf", di antaranya ialah segolongan ulamak yang mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan "tujuh huruf" itu ialah tujuh macam bacaan iaitu Idghām (إغام), Izhār (اظهار), Ḥafkīm (تحقيق), Tarqīq (ترقيق), Mad (مد), Qaṣr (قصر) dan Imālat (إمالة). Menurut pendapat golongan kedua seperti Abu 'Ubaid Al-Qāsim bin Sallam dan Ahmad bin Yahya Thā'lab mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan tujuh huruf itu ialah Al-Qur'an itu diturunkan dalam tujuh bahasa yang berbedza-beda, iaitu satengahnya diturunkan dalam Bahasa Quraisy (قریش), Huzayl (هزيل), Tamīm (تميم) Azd (أزد), Rabi'at (ربيعة), Hawazin (هوازن) dan Sa'd bin Bakr (سعد بن بكر). (Al-Zarkasyiy, Badruddin Muhammad bin Abdullah , 1972 M / 1391 H, ms : 217).

Ilmu Qirā'āt telahpun wujud semenjak di zaman Rasulullah s.a.w lagi. Ini disokong oleh Imam Bukhāriy dan Muslim di dalam sahih mereka yang dihuraikan oleh Ibn 'Abbās r.a bahawa ia berkata: Rasulullah s.a.w bersabda :

أَقْرَأْنَا جِبْرِيلَ عَلَى حُرْفٍ فَرَاجَعَتِهِ فَلَمْ أَزِلْ أَسْتَرِيدِهِ
وَيُزِيدُنِي حَتَّى انتَهَى إِلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ

(*Sahih Al-Bukhāriy, Tanpa Tarikh, Jilid 6, ms : 227 / Sahih Muslim Bisyarh Al-Nawawiy, Tanpa Tarikh, Jilid 6, ms : 101*) /

Syarh Al-Sunnat, 1983 M / 1403 H, Jilid 4, ms : 501 / Al-Fath Al-Rabbaniy Litartib Musnad Al-Imam Ahmad bin Hanbal Al-Syaibaniy 1374 H, Jilid 18, ms : 53).

Jibril membacakan Al-Qur'an kepadaku dengan satu huruf, kemudian aku mengulanginya. (Setelah itu) senantiasa aku meminta tambah dan iapun menambahiku sampai tujuh huruf.

Ilmu Qirā'at ini sangat subur dan mendapat tempat di kalangan masyarakat Arab. Kita dapat mendengar orang-orang Arab membaca Al-Qur'an menggunakan Qirā'at tersebut, tetapi ilmu ini pula tidak terdapat atau wujud di Asia Tenggara termasuk juga negeri kita Malaysia. Orang-orang Malaysia membaca Al-Qur'an hanya menggunakan satu Qirā'at sahaja iaitu Qirā'at 'Āsim. Mengapakah ilmu Qirā'at ini tidak boleh berkembang dengan pesat di Malaysia, dan apakah penghalangnya yang menyebabkan ianya tidak boleh berkembang ? Inilah yang mendorongkan penulis untuk mengkaji dan menyelidiki tentang hal ini.

1.2 : OBJEKTIF KAJIAN

Dalam usaha menyediakan kertas disertasi ini, penulis berdasarkan kepada perbandingan gaya bacaan Al-Qur'an di antara para qurra' dari segi fonologi.

1.3 : METODOLOGI KAJIAN

Di dalam setiap kajian ilmiah, terdapat berbagai-bagai metode kajian yang digunakan. Di dalam penulisan disertasi ini, penulis telah menggunakan beberapa metode untuk mendapatkan data-data yang

diperlukan dalam usaha untuk menyiapkan disertasi ini. Data-data berikut diperolehi melalui metode-metode kajian seperti berikut :

i) Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi ialah cara pengumpulan data dengan melakukan penyelidikan dan kajian terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang dikaji (Abdul Halim bin Haji Md. Diah (Dr), 1987, ms:117). Dokumen bererti benda -benda bertulis yang dapat memberikan berbagai-bagai keterangan. (Imam Barnadib, 1982, ms : 55)

Di antara dokumen-dokumen utama yang digunakan oleh penulis dalam membuat kajian ini ialah Al-Qur'ān, Hadith-hadith Rasulullah s.a.w, buku-buku dalam pelbagai bahasa, khususnya Bahasa Arab dan Bahasa Malaysia serta majallah-majallah.

ii) Metode Perpustakaan

Untuk menyiapkan disertasi ini, penulis membuat penyelidikan perpustakaan bagi mendapat maklumat-maklumat yang berkaitan dengan tajuk disertasi ini. Maklumat-maklumat ini sebahagian besarnya boleh diperolehi daripada perpustakaan-perpustakaan berikut :

- a) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa
- b) Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- c) Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia
- d) Perpustakaan Awam Pusat Islam

iii) Metode Wawancara (Temubual)

Metode wawancara ialah cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan dari seseorang responden dengan bercakap secara berhadapan dengan orang itu. (Abdul Halim bin Hj. Md. Diah (Dr), 1987, ms : 177)

Di dalam penyelidikan disertasi ini, penulis telah melakukan beberapa wawancara, dan wawancara yang difikirkan dapat memberi keterangan-keterangan yang diperlukan di dalam kajian ini. Responden ini terlibat secara langsung dengan pengajaran dan pembelajaran tajwid dan qirā'at .

1.4 : Susunan Penulisan

Kajian "*Al-Qirā'at Al-Qurāniyyat sebagai satu aspek fonologi Bahasa Arab*" ini mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian permulaan, teks dan akhiran.

Bahagian permulaan mengandungi halaman tajuk, Al-Hadith, dedikasi, penghargaan, abstrak, masalah kajian, pedoman transliterasi, kandungan, senarai singkatan kata, pedoman daftar-daftar surah-surah Al-Qur'an. Bahagian teks pula dibahagikan kepada empat bab sahaja sementara bahagian akhiran pula mengandungi glosari dan bibliografi.

Bahagian Teks

Bab Pertama : Ia adalah merupakan bab pendahuluan, bab ini juga memuatkan metode-metode yang digunakan untuk mengumpul data. Di antara metode yang digunakan ialah metode dokumentasi, metode perpustakaan dan metode wawancara.

Objektif kajian dimuatkan di dalam bab pertama ini, objektif kajian ialah untuk membandingkan gaya bacaan Al-Qur'an di antara para Qurra' dari sudut fonologi.

Bab Kedua : Bab ini adalah mengenai qirā'at. Di dalam bab ini penulis telah membicarakan dengan panjang lebar tentang Al-Qirā'at, termasuklah tentang difinasinya dari sudut bahasa dan istilah. Di samping itu penulis juga menyentuh tentang sejarah kelahiran ilmu Al-Qirā'at serta menghuraikan tentang peribadi-peribadi Qurra' yang mengasaskan ilmu qirā'at ini.

Bab Ketiga : Bab ini mengenai tentang Bahasa Arab dan dialek-dialeknya. Di dalam bab ini penulis menceritakan secara ringkas mengenai sejarah Bahasa Arab, kemunculan dialek dan hubungannya dengan Bahasa Arab, pengertian lahajāt (الهجات) dan lughat (لغة) serta pandangan ahli-ahli Bahasa Arab terhadap dialek. Di dalam bab ini juga penulis akan menerangkan dengan panjang lebar mengenai hubungan lahajāt dengan Qirā'at.

Bab Keempat : Bab ini adalah merupakan bahagian yang terakhir, di dalamnya dimuatkan beberapa kesimpulan dan saranan sahaja.

Pengertian Tajuk

Di sini penulis akan menghuraikan beberapa istilah penting mengenai tajuk disertasi ini iaitu "**Al-Qirā'at Al-Qur'āniyyat Sebagai Satu Aspek Fonologi Bahasa Arab**". Ini bertujuan supaya para pembaca dapat mengetahui secara umum tentang perkara-perkara yang akan dibincangkan oleh penulis.

AL-QIRĀ'AT ialah bermaksud bacaan. Ia berasal daripada kata jamak bagi perkataan *qirā'at* (قراءة) bererti "bacaan". Perkataan ini adalah nama terbitan daripada kata kerja lampau *qara'a* (قرأ) dan *yaqra'u* (يقرأ) daripada kata kerja kini. Perkataan **Al-Qirā'at** dari segi bahasa bererti "membaca", dan dari segi istilah pula perkataan **Al-Qirā'at** ini memberi erti **cara bacaan dan tuturan setiap perkataan di dalam Al-Qur'an**. Pengertian di segi istilah secara terperinci atau mendalam akan dihuraikan di dalam bab kedua iaitu bahagian **Al-Qirā'at**.

AL-QUR'ĀNIYYAT ialah berasal dari perkataan **Al-Qur'an** yang merupakan kitab suci yang terakhir yang diwahyukan oleh Allah s.w.t kepada nabi Muhammad s.a.w dengan perantaraan Jibril a.s.

Ulamak telah berselisih pendapat tentang lafaz **Al-Qur'an**. Ada yang berpendapat ianya Mahmuz (wujud hamzah atas alif : القرأن) dan pendapat lain pula tidak Mahmuz (tidak ada hamzah atas alif : القرآن) Mereka yang berpendapat bahawa lafaz **Al-Qur'an** itu tidak Mahmuz ialah Imam Syafi'e, Al-Farra' dan Al-Asy'ari.

i) **Kata Imam Syafi'e** : Lafaz Al-Qur'an adalah perkataan asli, tidak terbentuk dari mana-mana kata asal dan tidak juga Mahmuz, bahkan dicipta menjadi nama benda bagi wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Pada pendapat Imam Syafi'e lafaz Al-Qur'an tidak diambil daripada perkataan qara'a (قراءة), jikalau ianya diambil dari perkataan itu, tentulah benda yang dibaca boleh dinamakan Al-Qur'an tetapi ianya dicipta khas untuk kitab suci Al-Qur'an seperti nama Al-Taurat dan Al-Injil. (Al-Zarkasyiy, Badruddin Muhammad bin Abdullah , 1972 M / 1391 H, Jld. 1, ms : 278 / Al-Baghdadiy, Abi Bakr Ahmad bin Ali Al-Khatib , Tanpa Tarikh, Jld. 2, ms : 62)

ii) **Kata Al-Farr'a'** : Perkataan Al-Qur'an diambil dari perkataan Al-Qara'in (القراءن) iaitu kata jamak bagi perkataan qarīnat (قرينة) yang bererti pertalian, kerana ayat-ayat Al-Qur'an hampir serupa antara satu sama lain, seolah-olah setiap ayat itu ada pertaliannya. Berdasarkan pendapat ini, maka huruf **Nun** di hujung perkataan itu huruf asal bukan tambahan. (Subhi Al-Soleh (Dr), 1964, ms : 18)

iii) **Kata Al-Asy'ari dan pengikut-pengikutnya** : Perkataan itu berasal dari perkataan (قرن الشئ بالشئ اذا ضم اليه) ertinya sesuatu itu diletakkan berdekatan dengan sesuatu benda yang lain apabila dihimpunkannya, kerana surah-surah dan ayat-ayat Al-Qur'an dihimpunkan di dalam Al-Qur'an seperti mana dihimpunkan haji dengan umrah lalu dikatakan qiran. (Al-Zarkasyiy, Badruddin Muhammad bin Abdullah , 1972 M / 1391 H, Jld. 1, ms : 278)

Di antara pendapat-pendapat lain yang mengatakan Al-Qur'an itu Mahmuz (ada hamzah atas alif) ialah :

i) **Al-Zajjaz** berpendapat bahawa lafaz Al-Qur'an Mahmuz selaras dengan pola Fu'lān (فعلان). Ia diambil dari perkataan Al-Qar'u (القرء) yang bermakna menghimpun atau mengumpul. Contohnya dalam Bahasa Arab (قرأ الماء في الحوض) ertiinya ***air itu dihimpun ke dalam kolam***. Dinamakan Al-Qur'an dengan perkataan ini kerana ianya menghimpun segala isi kitab-kitab yang silam. (Subhi Al-Soleh (Dr), 1964, ms : 19)

ii) **Al-Lihyani** berpendapat bahawa perkataan Al-Qur'an ialah kata asal yang Mahmuz selaras dengan pola Al-Ghufrān (الغفران). Diambil dari kata kerja Qara'a (قرأ) yang memberi erti talā (تلا) bererti baca. Dinamakan lafaz itu dengan Al-Maqru' (المقرؤ) ism ma'ul dengan masdar, kemudian dinukilkan dari masdar kepada nama khas sebagai satu mu'jizat yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w . (Subhi Al-Soleh (Dr), 1964, ms :19 / Al-Zarqāniy, Muhammad Abd Al-'Azīm, Jld. 1, ms : 14. T.T)

Pendapat Al-Lihyani adalah pendapat yang paling kuat, kerana lafaz Al-Qur'an dari segi bahasa ialah kata Masdar yang seerti dengan perkataan Al-Qirā'at (القراءة) yang bererti bacaan. Contohnya firman Allah :

إِنَّ عَلَيْنَا جُمْعَهُ وَقَرَآنَهُ فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبَعْ قَرَآنَهُ

(**Al-Qiyamat : 17 - 18**)

Ertinya Sesungguhnya kamilah yang menghimpunkan Al-Qur'an dan bacaannya, maka apabila kami membacanya hendaklah engkau mengikut bacaannya.

Orang Arab zaman jahiliah menggunakan perkataan Qara'a tidak dengan makna membaca, tetapi dengan makna-makna lain, seperti kata mereka:

هَذِهِ النَّاقَةُ لَمْ تَقْرَأْ سُلَى قَطُّ

ertiinya : *Unta itu tidak pernah melahirkan anak.* (*Subhi Al-Soleh (Dr) , 1964, ms : 19*)

Adapun perkataan Qara'a dengan makna membaca. Orang Arab mengambilnya daripada Bahasa Arāmiyyat (اللغة الارامية) dan digunakannya secara harian hingga menjadi terkenal dengan makna itu. Walaubagaimanapun oleh kerana perkataan Qara'a (قرأ) yang bererti membaca, yang asalnya daripada Bahasa Arāmiyyat (اللغة الارامية) telah digunakan oleh orang Arab sejak sebelum Islam lagi. Maka ia bolehlah dianggapkan perkataan itu sebagai sebahagian daripada Bahasa Arab sendiri, kemudian digunakan pula oleh Islam untuk menjadi nama bagi kitabnya yang mulia itu.

FONOLOGI ialah kajian unsur-unsur bunyi bahasa yang berfungsi atau berkontras dengan sistemnya.

BAHASA ARAB ialah Bahasa Al-Qur'an dan ianya juga digunakan oleh penghuni-penghuni syurga di Akhirat nanti, dan ia merupakan bahasa penduduk di Kawasan Timur Tengah dan Afrika Utara.